



SYARAT-SYARAT CABUTAN BERTUAH TAHUN 2023

- A. **Hanya pemilik** harta cukai taksiran MPAJ dibenarkan menyertai program cabutan bertuah sempena ulang tahun MPAJ ke-31. **Pemilik harta yang merupakan kakitangan MPAJ dan Ahli Majlis adalah dibenarkan menyertai program ini. Pemilik harta yang telah mendapat pengecualian bayaran cukai taksiran di bawah kategori rumah kos rendah dan kampung juga adalah tidak dibenarkan.**
- B. Alamat harta hendaklah mendaftar di ICOMM web atau *mobile* bagi melayakkan menyertai program cabutan bertuah sempena kempen merakyatkan MPAJ tahun 2023. Pendaftaran boleh dilakukan sendiri oleh pemilik atau didaftarkan sebagai akaun tambahan oleh pemilik ICOMM lain.
- C. Program cabutan bertuah ini akan dilaksanakan pada tahun 2023. Cabutan hadiah bertuah akan dibuat **secara bulanan** dan juga **cabutan hadiah utama** pada penghujung penggal pertama dan kedua.
- D. Pelaksanaan serta syarat-syarat kelayakan bagi **cabutan hadiah bulanan** ialah seperti berikut:
- Pemilik harta perlu menjelaskan **keseluruhan jumlah cukai taksiran MPAJ termasuk segala tunggakan serta caj yang dikenakan di dalam bil cukai taksiran MPAJ** dalam **penggal yang telah ditetapkan** iaitu pada bulan **Januari hingga Februari** dan juga pada bulan **Julai hingga Ogos** untuk tahun 2023.
 - Pemilik harta yang telah menjelaskan bayaran **selepas tempoh yang ditetapkan adalah tidak layak diambil kira bagi tujuan cabutan bertuah.**

iii. Cabutan bertuah bulanan akan dilakukan pada setiap bulan berikut:

a. Penggal pertama tahun 2023 : Mac, April, Mei dan Jun

b. Penggal kedua tahun 2023 : September, Oktober,
November dan Disember

Cabutan bertuah bulanan akan dilaksanakan pada 8 bulan yang telah ditentukan ini sahaja.

iv. Proses cabutan bertuah bulanan akan dilaksanakan **setiap bulan yang telah ditetapkan selepas berakhirnya mesyuarat penuh MPAJ. Keputusan hasil cabutan adalah muktamad. Hadiah cabutan bertuah hanya boleh dituntut oleh pemilik yang berjaya sebelum berakhir bulan Januari tahun 2024 sahaja.**

v. Hadiah cabutan bertuah bulanan masih di dalam peringkat kajian.

E. Pelaksanaan serta syarat-syarat kelayakan bagi **cabutan hadiah utama** ialah seperti berikut:

i. Pemilik harta perlu menjelaskan bayaran **keseluruhan jumlah cukai taksiran MPAJ bagi tempoh satu (1) tahun (2 penggal iaitu Januari - Jun dan Julai - Disember) bagi tahun 2023 termasuk segala tunggakan serta caj yang dikenakan di dalam bil cukai taksiran MPAJ** tersebut sebelum tamat bulan Februari tahun 2023.

ii. Pemilik harta yang telah menjelaskan bayaran **keseluruhan jumlah cukai taksiran MPAJ bagi tempoh satu (1) tahun selepas tempoh yang ditetapkan adalah tidak layak diambil kira bagi tujuan cabutan bertuah utama.**

iii. Proses cabutan bertuah utama akan dilaksanakan **pada bulan Jun 2023 selepas berakhirnya mesyuarat penuh MPAJ. Keputusan hasil cabutan adalah muktamad. Hadiah cabutan bertuah hanya boleh dituntut oleh pemilik yang berjaya sebelum berakhir bulan Januari tahun 2024 sahaja.**

TERMA HADIAH

1. Pihak penganjur mempunyai **hak untuk menukar** hadiah cabutan bertuah dengan sesuatu **yang hampir sama atau dengan nilai yang lebih rendah** seandainya berlaku kejadian dimana hadiah tidak dapat diperolehi. Hadiah dimenangi **tidak boleh ditukar milik** dan **tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit atau barangan lain sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.**
2. Pemenang-pemenang hendaklah menebus hadiah di tempat yang akan dimaklumkan oleh penganjur kelak.
3. Semua hadiah mesti **dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.** Semua hadiah yang **tidak dituntut akan dibatalkan.** Tiada tuntutan akan dilayani selepas tempoh tersebut.
4. Untuk menuntut hadiah, pemenang-pemenang mestilah **menunjukkan kad pengenalan untuk tujuan verifikasi** sebagai bukti identiti, yang mana jika gagal, hadiah-hadiah tersebut akan dibatalkan dan sebarang pertanyaan kemudiannya tidak akan dilayan.
5. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap pungutan hadiah-hadiah oleh para pemenang. Semua kos untuk tuntutan hadiah adalah tanggungjawab pemenang. Semua pemenang cabutan bertuah ini bertanggungjawab ke atas semua cukai, kadar, yuran kerajaan, kos pemasangan atau apa-apa bayaran lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undangan, berhubung dengan hadiah dalam cabutan bertuah ini.
6. Hadiah-hadiah adalah dihasilkan dan diperbuat oleh pihak ketiga (pembuat). Pemenang perlu berhubung dengan pembuat berkaitan waranti atau kerosakan hadiah yang dimenangi.
7. Pihak penganjur mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang pindaan terhadap terma dan syarat bagi cabutan bertuah ini tanpa sebarang notis yang perlu diberikan.

HADIAH UTAMA UNTUK DIMENANGI

Bil. **JENIS HADIAH**

1. **MOTORSIKAL HONDA VARIO 150**

HADIAH BULANAN UNTUK DIMENANGI

Bil. **JENIS HADIAH**

1. **THERMOMIX TM6**
2. **CURVED SMART TV**
3. **WASHER DRYER MACHINE**
4. **ELECTRIC MOUNTAIN BIKE**
5. **LAPTOP LENOVO**
6. **REFRIGERATOR DOUBLE DOOR**
7. **CODELESS STICK VACUUM**
8. **STEAM GENERATOR IRON**
9. **GARMIN SMARTWATCH**
10. **CONVENTION MICROWAVE OVEN**
11. **BAUCAR BARANGAN**